

GARIS PANDUAN PENGIKLANAN HOTSPOT UTM

Oleh : Pej. Hal Ehwal Korporat UTM

Setiap iklan yang dipaparkan di mana-mana laman web yang diakses menggunakan kemudahan WiFi UTM adalah dipersetujui mengandungi iklan selagi tidak melanggar peraturan-peraturan berikut :

- i. Tidak mengandungi isu-isu sensitif seperti isu agama, politik dan perkauman ;
- ii. Tidak memaparkan kenyataan-kenyataan yang boleh menjelaskan imej kerajaan ;
- iii. Tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh universiti kepada staf dan mahasiswa ;
contoh :
Larangan Penglibatan Mahasiswa dalam Kegiatan 'Multi Level Marketing'
<http://www.utm.my/studentaffairs/files/2016/09/Pekeliling-MLM-15092016124743.pdf>
- iv. Tidak mengandungi unsur-unsur penipuan / perjudian / perniagaan pinjaman wang atau perkhidmatan yang tidak jelas ;
- v. Hanya iklan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dibenarkan ;
- vi. Tidak mengandungi gambar-gambar :
 - Yang menggunakan model/individu yang tidak menutup aurat ;
 - Yang berkaitan Institusi DiRaja/Kesultanan ;
 - Bertentangan dengan undang-undang dan perlembagaan negara ;
 - Menunjukkan aksi / ekspresi yang tidak sopan ;
- vii. **Pautan** keluar ke laman-laman yang yang tidak bersesuaian hendaklah dielakkan seperti pautan ke :
 - Laman web berunsur politik ;
 - Laman web yang tidak bermoral ;
 - Laman web yang menjual barang-barang dan atau perkhidmatan yang diragui keselamatan penggunaannya ;
 - Laman web/ blog yang mengandungi fitnah-fitnah terhadap pihak universiti atau kerajaan.